


Berpuluh aktivis dihantar pulang

Tel Aviv masih menahan beratus-ratus lagi di penjara selatan Israel

Berita Harian 02/06/2010 MS 33



SEORANG anggota krew kapal Turki, Mavi Marmara (dua dari kiri) dikerumuni media sebaik tiba dari Israel di Lapangan Terbang Istanbul, semalam.



PEMIMPIN Islam Arab Israel, Sheikh Raed Salah dibawa ke mahkamah di Ashkelon selepas ditahan dalam sebuah kapal bantuan Gaza yang diserang Israel kelmarin. Tuduhan terhadap Sheikh Raed tidak diketahui.

BAITULMAQDIS: Israel menghantar pulang berpuluh-puluh aktivis tetapi masih menahan beratus-ratus lagi semalam, sehari selepas komandonya membunuh sembilan orang apabila mereka merempuh masuk ke sebuah kapal bantuan yang dalam pelayaran ke Gaza.

Daripada 682 orang dari 42 negara yang berada di dalam enam kapal yang ditarik ke pelabuhan Israel, 45 bersejua untuk dihantar pulang dengan serta-merta kelmarin dan semalam, kata jurucakap imigresen, Sabine Hadad.

Yang lain dibawa ke penjara Beersheva di selatan Israel, di mana hakim imigresen memproses mereka bagi tujuan penghantaran pulang, katanya.

"Mengikut undang-undang, ia akan hanya mengambil masa beberapa hari saja," kata Sabine.

Kira-kira 48 rakyat asing dirawat di hospital Israel, begitu juga dengan enam askar

yang menaiki kapal berkenaan, lapor radio awam.

Turki akan menghantar tiga pesawat ambulans ke Israel untuk membawa pulang 20 daripada warganya yang cedera.

Daripada jumlah yang menaiki bot terbabit, 380 adalah rakyat Turki, 38 dari Greece, 31 dari Britain, 30 dari Jor-

dan, 28 dari Algeria, sebilangan lagi dari Australia, Itali, Indonesia, Ireland dan negara lain, kata Sabine.

Sekurang-kurangnya empat rakyat Turki adalah antara sembilan yang terkorban dalam serbuan komando itu yang dilakukan di kawasan perairan antarabangsa, menurut seorang diplomat

Turki, sementara 19 rakyat Turki lain dilaporkan termasuk dalam senarai mereka yang sudah dihantar pulang.

Mereka yang masih dalam tahanan dikatakan enggan menandatangani arahan diusir keluar.

Menteri Luar Ireland, Micheal Martin mendesak pembebasan tanpa syarat tujuh

warga Ireland yang ditahan.

"Ketujuh-tujuh individu berkenaan tidak memasuki Israel secara haram, tetapi mereka dirampas dari kawasan perairan antarabangsa, dibawa ke Israel dan diminta menandatangani dokumen yang mengesahkan mereka masuk secara haram," katanya. - AFP